

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel. Bimbit (Setiausaha) 012-9433860 E-Mel Setiausaha asrulsms@gmail.com LamanWeb: www.kobangi.com

MESYUARAT PERTAMA LEMBAGA KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD BAGI SESI 2026-2027

Tarikh : Hari Ahad, 14 Jun 2026 bersamaan 28 Zulhijjah 1447H

Masa : Jam 12.30 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Hadir:

| | |
|--|-------|
| Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim - ALK | [1/1] |
| Hj. Asrulsani Shahnnon - ALK | [1/1] |
| Hj. Gazali Jaafar - ALK | [1/1] |
| Hj. Ahmad Denil Hasbullah - ALK | [1/1] |
| Hj. Ahmad Sufie Munasir - ALK | [1/1] |
| Hj. Hussin bin Hj. Yunos - ALK | [1/1] |
| Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md. Saad - ALK | [1/1] |
| Prof. Dr. Hj Wan Mohtar Wan Yusoff - ALK | [1/1] |
| En Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin - ALK | [1/1] |
| Hj. Aminudin Md Desah - ALK | [1/1] |
| Hj. Kamaruddin Mohamed - ALK | [1/1] |
| Hj. Hamdi Othman - ALK | [1/1] |

Turut Hadir :

| | |
|--|-------|
| Hj. Othman Sodikin - JAD | [1/1] |
| Hj. Ahmad Shamsuri Mohamad – Eksekutif Akaun | [1/1] |

Edaran: Penolong Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Gombak/Hulu Langat,
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
sk amyrayusof@skm.gov.my

AGENDA 1 : MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Mesyuarat sebulat suara melantik Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim sebagai Pengerusi dan Hj. Asrulsani bin Shahnnon sebagai Pencatat mesyuarat ini. Mesyuarat pertama ini dipanggil menurut undang-undang kecil 39 (1).

AGENDA 2 : MEMILIH SEORANG Pengerusi, SEORANG Setiausaha dan SEORANG Bendahari Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi Sesi 2026-2027 menurut Fasal (1) Perenggan (b) Undang- Undang Kecil 39 dan Fasal (2) Perenggan (a) Undang-Undang Kecil 44

- 2.1 Mesyuarat sebulat suara melantik anggota ALK berikut untuk memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi sesi 2026-2027 mengikut fasal (1) perenggan (b) undang- undang kecil 39 dan fasal (2) perenggan (a) undang-undang kecil 44 seperti di persetujui dan diluluskan pada MALK6 pada 18 Mei 2025.
 1. **Pengerusi : Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim – K394**
 2. **Setiausaha : Hj. Asrulsani bin Shahnnon – K497**
 3. **Bendahari : Hj. Gazali bin Jaafar – K494**

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 3: MEMILIH WAKIL LEMBAGA KOBANGI DALAM JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30 SESI 2025-2026

- 3.1 Mesyuarat bersetuju ALK dan anggota KOBANGI berikut dipilih sebagai jawatankuasa seperti dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Ke-30 pada 14 Jun 2026 iaitu:

PELANTIKAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi) – K394
2. Hj. Asrulsani bin Shahnnon – K497
3. Hj. Ahmad Sufie bin Munasir – K276
4. Hj. Gazali bin Jaafar – K494

PELANTIKAN ENAM (6) ANGGOTA KOBANGI

1. Hj. Othman Bin Sodikin – K451
2. Hj. Hamdan Bin Ghazali – K529
3. Hj. Ahmad Shamsuri Bin Mohamad – K510
4. En. Syazani Bin Suhaifi – K522
5. Hj. Abdul Mutalib Bulin – K442
6. Hj. Abdul Karim bin Mhd Sarif – K532

- 3.2 Setiausaha akan maklumkan kepada mereka untuk menghadiri diri ke mesyuarat menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan ke-30.

[TINDAKAN: Setiausaha]

AGENDA 4: MELANTIK WAKIL-WAKIL KOBANGI KE PERSIDANGAN PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI SELANGOR DAN PERSIDANGAN ANGKASA KEBANGSAAN (TARIKH AKAN DITENTUKAN KELAK)

- 4.1 Mesyuarat bersetuju melantik ALK berikut untuk menghadiri Persidangan Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor dan Persidangan Kebangsaan ANGKASA bagi sesi 2026-2027 (tarikh-tarikh persidangan akan ditentukan kelak) mewakili KOBANGI. Secara lazimnya, Setiausaha akan mewakili bagi pihak KOBANGI, jika wakil utama yang dilantik tidak dapat hadir:-

Persidangan Kebangsaan ANGKASA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Wakil Utama)

Persidangan Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Wakil Utama)

[TINDAKAN: Setiausaha]

AGENDA 5: MENETAPKAN TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30

- 5.1 Mesyuarat bersetuju menetapkan tarikh tentatif Mesyuarat Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-30 pada hari Selasa, 23 Jun 2026 9:15 malam di Bilik Mesyuarat KPIB, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 6: MENETAPKAN TARIKH MESYUARAT ALK KE-2 SESI 2026-2027

- 6.1 Mesyuarat menetapkan tarikh tentatif Mesyuarat Ke-2 ALK bagi sesi 2026-2027 pada Ahad, 28 Jun 2026 atau Ahad, 5 Julai 2026 pukul 9:00 pagi di Bilik Mesyuarat KPIB, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 7: MEMBINCANG HAL-HAL LAIN

- 7.1 Program Retret (Retreat)

Setiausaha mengemukakan cadangan untuk mengadakan program retret untuk membincangkan dan menetapkan perkara-perkara berikut,

- a. Membincang, mengadakan dan memuktamadkan penandaan (Demarcation) tugas-tugas dan fungsi bahagian-bahagian KOBANGI.
- b. Membincang, mengadakan dan memuktamadkan prosedur operasi piawai (SOP) untuk semua bahagian-bahagian yang berkenaan.
- c. Membincang dan menyemak semula status pelaksanaan Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027.
- d. Membincang dan mengadakan pelan perniagaan baru untuk KOBANGI.

Kos, Tempat dan waktu retreat akan dimaklumkan Setiausaha kepada semua.

7.2 Kertas cadangan pembelian 1 (satu) unit laptop untuk kegunaan bahagian kewangan KOBANGI

Mesyuarat mengambil maklum kertas cadangan seperti Lampiran A dan meluluskan 1 unit pembelian laptop kegunaan bahagian kewangan KOBANGI dengan bajet RM2000.

7.3 Perbincangan Isu Dividen 2025 untuk anggota yang meninggal dunia.

Isu pemberian dividen 2025 untuk anggota yang telah meninggal dunia telah dibincangkan dan mesyuarat mengambil keputusan berikut,

- a. Berkuat kuasa selepas MAT30, baki syer untuk anggota yang meninggal dunia akan dikeluarkan dari senarai syer yang aktif dan dimasukkan ke dalam satu lejar am (GL) khusus untuk syer anggota yang meninggal dunia. Tidak akan dikira dividen untuk 2026 dan seterusnya.
- b. Dividen 2025 akan diberi kepada semua anggota yang layak termasuk yang telah meninggal dunia @ status quo seperti tahun-tahun sebelum ini.

PENANGGUHAN

Pengerusi berdoa semoga ALK dapat melaksanakan tugas ALK dengan sebaik mungkin dan dapat bekerja dalam satu pasukan untuk membawa KOBANGI ke tahap yang lebih maju di masa depan.


Mesyuarat ditangguhkan pada Jam 1.15 tengah hari dengan ucapan terima kasih Tuan Pengerusi kepada semua yang hadir mesyuarat ini.

Disediakan:



[HJ ASRULSANI BIN SHAHNON]
Setiausaha Lembaga KOBANGI Sesi 2025-2026

Disahkan:



[PROF. DATUK MOHD. YUSOF BIN KASIM]
Pengerusi Lembaga KOBANGI Sesi 2025-2026

KERTAS CADANGAN PEMBELIAN 1 (SATU) UNIT LAPTOP UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN KEWANGAN KOBANGI

1. PENGENALAN

Semenjak perlantikan Pegawai Akaun pada tahun 2024, beliau menggunakan laptop sendiri untuk melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan kewangan KOBANGI. Walaubagaimanapun, laptop tersebut sudah agak lama dan ianya sudah tidak berapa stabil (selalu kena reboot). Untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dari berlaku seperti rosak kekal yang boleh menyebabkan maklumat kewangan KOBANGI hilang, bahagian kewangan mencadangkan agar dibeli 1 unit laptop yang baru untuk kegunaan bahagian kewangan KOBANGI.

2. SEBUTHARGA

Dibawah ini dilampirkan perbandingan harga mengikut jenama:

| Jenama | Spesifikasi | Harga (RM) |
|-------------------|---|------------|
| Asus Vivo Book Go | [E1404F-AEB870WMS Black / E1404FAEB872WMS Green] (R3-7320U,8GB,512GB,14",W11,H&S+M365) | 1,900.00 |
| HP | 14-em0092AU FHD Silver Laptop (R3-7320U,8GB,512GB,14",W11) | 1,950.00 |
| Lenovo | IdeaPad Slim 3 15IAN8 82XB00J1MJ/ 82XB00J2MJ 15.6" FHD Laptop (N100, 8GB, 512GB SSD, Intel, W11, HS+M365) | 1,700.00 |

3. SYOR

Bahagian Kewangan mencadangkan untuk KOBANGI membeli laptop jenama HP yang lebih berkualiti dan harga yang tidak banyak beza dengan jenama yang lain.

Justeru, mohon kelulusan ALK atas cadangan perolehan laptop ini.

4. TINDAKAN SUSULAN

Bahagian Kewangan KOBANGI akan melaksanakan proses seperti yang diluluskan.

| Disediakan oleh: | Diperakukan oleh: |
|--|------------------------------|
| Ahmad Shamsuri Mohamad (Eksekutif Perakaunan) | Gazali Jaafar (Bendahari) |